

21 MAR 1996

Mahathir-bahagian

SONY TAMBAH PEMBELIAN BAHAN DARI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Proses perindustrian Malaysia maju setapak lagi apabila sebuah syarikat gergasi Jepun mengadakan satu konvensyen yang pertama seumpamanya di sini untuk mendapatkan bekalan bahagian-bahagian dan bahan mentah di sini untuk kilang-kilangnya di seluruh dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memuji langkah Sony Corporation itu berkata bahagian-bahagian dan bahan mentah itu bukan saja untuk operasi Sony di Malaysia tetapi juga untuk lebih 70 kilangnya di seluruh dunia.

"Kerajaan Malaysia menyambut baik langkah ini kerana ia membantu kita mengurangkan defisit dalam imbalan pembayaran, terutama dengan Jepun.

"Sudah semestinyalah langkah mengeluarkan bahagian-bahagian ini di Malaysia akan mengurangkan kos dan menjadikan barangan Sony lebih berdaya saing," kata beliau ketika merasmikan "Sony Global Material Business Forum" di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Forum dua hari itu bertujuan menggalakkan perbincangan dengan pembekal-pembekal bahagian Sony. Pelbagai bahagian dan barangan yang digunakan dalam produk Sony turut dipamerkan.

Dr Mahathir berkata usaha Sony untuk menambah sumber tempatan sudah tentu akan membantu meningkatkan kandungan bahan tempatan dalam produknya dan memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia.

"Tidak ada sebab kenapa ia menguntungkan untuk mengeluarkan barangan siap di Malaysia tetapi tidak menguntungkan untuk mengeluarkan komponen barangan itu di Malaysia," katanya.

Meskipun Malaysia menjadi pengeluar utama barangan elektronik, industri itu masih banyak bergantung kepada input yang diimport.

"Usaha yang serius perlu diambil oleh syarikat-syarikat dalam industri ini untuk mengeluarkan atau membekalkan input berkenaan secara tempatan," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan memberi galakan dan bimbingan yang betul, IKS Malaysia boleh menjadi maju dan berkualiti.

"Saya telah diberitahu bahawa baru-baru ini kumpulan Sony di Malaysia mempunyai 15 pembekal IKS di bawah mereka dan mempunyai rancangan untuk memajukan lebih ramai lagi pembekal IKS. Komitmen seumpama perlu diteladani oleh syarikat lain dalam industri itu," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata Sony bukan saja sanggup mendapatkan bekalan mereka dari Malaysia malahan mungkin membantu mendirikan kilang untuk mengeluarkan bahan-bahan berkenaan.

Beliau berkata Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) perlu memberi perhatian terhadap langkah itu dan membantu industri kecil dan sederhana yang berminat mengeluarkan dan membekalkan bahagian-bahagian.

Ketika diminta mengulas mengenai bagaimana langkah seumpama itu boleh membantu mengurangkan defisit dalam imbalan pembayaran, Dr Mahathir berkata ia adalah kerana barangan yang mempunyai nilai tambahan mungkin dihasilkan di Malaysia walaupun sesetengah bahagian asas seperti kepingan keluli masih perlu diimport.

"Faktor nilai tambahan inilah yang menaikkan kos walaupun jika benda itu kecil seperti skrew," katanya.

Ditanya jika penubuhan kilang seumpamanya akan bermakna lebih pinjaman akan dibuat dari Jepun, beliau berkata ini tidak perlu kerana ia membabitkan industri kecil yang kosnya beberapa juta ringgit.

"Tidak ada keperluan mendapatkan pinjaman dari Jepun. Malahan saya tidak menggalakkannya kerana seperti yang anda tahu, yen mungkin naik dan bayaran yang lebih perlu dibuat untuk pinjaman.

"Kita mempunyai wang, modal... itu bukanlah masalahnya, ia adalah dedikasi ke arah kualiti yang diperlukan oleh Sony. Jika anda mahu mengeluarkan sesuatu ia hendaklah dihasilkan dengan sebaiknya," katanya. --

BERNAMA

AZZ CR MAI